

	<p><b>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</b> Untuk maklumat lanjut sila hubungi: <b>Bahagian Komunikasi Korporat</b> <b>Perbadanan Putrajaya</b> <b>Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</b></p>
---	---

## **PUTRAJAYA TUAN RUMAH 2019 IWWF WATERSKI WORLD CHAMPIONSHIP**

**PUTRAJAYA, 8 JULAI 2019** – YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) mengumumkan penganjuran 2019 IWWF Waterski World Championship di Majlis Pra Perasmian 2019 IWWF Waterski World Championship bertempat di Dewan Sri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Turut hadir YBhg. Dato' Omairi Bin Hashim, Naib Presiden Kanan, PPj, YBhg. Datuk Azizi Bin Hj Ahmad Termizi, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Encik Alex Yoong, Naib Presiden Malaysia Waterski & Wakeboard Federation (MWWF) dan Encik Ahmad Azuddin Bin Arshad, Setiausaha Kehormat MWWF.

Acara 2019 IWWF Waterski World Championship akan diadakan bermula dari 13 hingga 19 Ogos 2019 selama 7 hari di Pusat Sukan Air, Presint 5 Putrajaya. Sebanyak tiga (3) kategori akan dipertandingkan iaitu iaitu kategori *Trick*, *Jump* dan *Slalom*.

Kejohanan peringkat antarabangsa ini telah mendapat sambutan tertinggi dengan penglibatan 167 atlet daripada 33 buah negara dan tujuh daripadanya dari negara Asean berbanding penganjuran Piala Dunia IWWF Waterski pada tahun 2008 dan 2009. Selain itu, 8 juara bertahan dunia IWWF turut menyertai dan beraksi selama 7 hari kejohanan di Putrajaya.

PPj menyokong penuh penganjuran kejohanan sukan air ini dan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan serta Perbadanan Putrajaya untuk mempelbagaikan dan mengembangkan lagi acara-acara sukan air peringkat antarabangsa dan tempatan di Tasik Putrajaya. Di samping itu, PPj berharap agar acara sukan air dapat dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan yang dapat menarik lebih ramai pengunjung dan pelancong ke Putrajaya.

Majlis turut mengumumkan rakan strategik yang terlibat diantaranya Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB), Everly Hotel, Zenith Hotel, Nautique Boats USA, New Straits Times dan IWWF yang telah bersama-sama Malaysia Waterski & Wakeboard Federation (MWWF) dan Perbadanan Putrajaya dalam menjayakan kejohanan ini.

Masuk adalah percuma dan pengunjung boleh mendapatkan maklumat melalui laman web <http://www.mwwf.com.my/>.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Majlis Pra Peramian 2019 IWWF Waterski World Championship, sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346 atau Puan Haniza Ayu Zakaria di talian 03-88877508/019-2112466.

**(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Julai 2019